



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 52

31hb Disember 2024

TAMBAHAN No. 18
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 24.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004
PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH NEGERI PERAK 2024

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA MAJLIS UNTUK MEMUNGUT DAN MENGAGIH ZAKAT DAN FITRAH

3. Kuasa memungut dan mengagih
4. Jawatankuasa

BAHAGIAN III
AMIL

5. Permohonan
6. Kelayakan
7. Pelantikan
8. Tauliah
9. Tempoh pelantikan
10. Pengosongan jawatan
11. Peletakan jawatan, penggantungan dan penamatan pelantikan
12. Pemakluman
13. Kesahan tindakan
14. Tugas Amil Pungutan Zakat
15. Tugas Amil Fitrah
16. Tugas Amil Agihan
17. Tugas lain
18. Upah

Peraturan

19. Kawalan dan arahan
20. Pelantikan ejen pungutan

BAHAGIAN IV
JAWATANKUASA ZAKAT DAN FITRAH

21. Keanggotaan Jawatankuasa Zakat dan Fitrah
22. Tanggungjawab Jawatankuasa Zakat dan Fitrah

BAHAGIAN V
ZAKAT

23. Kewajipan ke atas harta, pendapatan dan perniagaan
24. Syarat wajib
25. Zakat yang belum dikeluarkan bagi orang yang telah meninggal dunia
26. Tanggungjawab perbadanan, syarikat, perkongsian atau koperasi
27. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat
28. Nisab dan kadar
29. Kuasa meminda atau membatalkan Jadual

BAHAGIAN VI
FITRAH

30. Kewajipan mengeluarkan
31. Kadar

BAHAGIAN VII
POTONGAN ZAKAT

32. Tanggungjawab majikan

BAHAGIAN VIII
PENYATA DAN TAKSIRAN

33. Maklumat berkaitan zakat dan notis kena zakat
34. Taksiran tambahan dalam hal tertentu
35. Penyata oleh majikan

Peraturan

- 36. Maklumat taksiran hendaklah disifatkan dibuat dengan kuasa sewajarnya
- 37. Rekod taksiran

BAHAGIAN IX
SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN

- 38. Rayuan kepada Majlis

BAHAGIAN X
AGIHAN

- 39. Ketetapan
- 40. Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah
- 41. Agihan zakat oleh wakil

BAHAGIAN XI
KEWANGAN ZAKAT DAN FITRAH

- 42. Akaun, anggaran belanjawan dan perbelanjaan
- 43. Pelaburan
- 44. Pinjaman
- 45. Pemulangan pungutan berlebihan

BAHAGIAN XII
PERUNTUKAN AM

- 46. Pengenalan pegawai
- 47. Kerahsiaan
- 48. Pembatalan
- 49. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH NEGERI PERAK 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 76(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Perak 2024** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amil” ertinya orang yang diberi tauliah untuk menjalankan mana-mana satu atau gabungan tugas-tugas memungut, menerima, mengagih atau mengurus zakat dan fitrah;

“Amil Agihan” ertinya orang yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(c);

“Amil Fitrah” ertinya orang yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(b);

“Amil Pungutan Zakat” ertinya orang yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(a);

“asnaf” ertinya orang yang berhak menerima zakat dan fitrah mengikut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di bawah peraturan 40 Peraturan-Peraturan ini;

“baligh” ertinya umur baligh mengikut Hukum Syarak;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“fakir” ertinya seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau hasil pendapatan atau mempunyai apa-apa harta atau hasil pendapatan tetapi tidak sampai lima puluh peratus daripada *had kifayah* untuk dirinya dan tanggungannya atau tiada orang yang menanggungnya;

“*fi sabilillah*” ertinya orang yang melibatkan diri dalam jihad untuk menegak, menggalak, mempertahankan, menyebarkan agama Islam, menuntut ilmu atau kebajikan di jalan Allah;

“fitrah” ertinya kadar tertentu yang difardukan ke atas orang Islam dengan mengeluarkan beras atau bayaran sama nilai dengan harganya yang diberikan atau dibayar setiap tahun hijrah pada masa yang ditetapkan mengikut Hukum Syarak;

“*gharimin*” ertinya orang yang berhutang kerana keperluan asasi untuk diri atau tanggungan yang wajib ke atasnya atau kerana *masalah* ummah tetapi tidak mempunyai sumber untuk membayar balik hutang tersebut, yang memerlukan penyelesaian segera sebagaimana yang dibenarkan oleh Hukum Syarak;

“*had kifayah*” ertinya suatu had yang mencukupi atau kadar keperluan asas bagi seseorang individu dan tanggungannya;

“*haul*” ertinya genap setahun mengikut takwim hijrah;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“*ibnu sabil*” ertinya seseorang yang hendak memulakan atau dalam perjalanan bagi maksud-maksud yang diharuskan oleh Hukum Syarak yang terputus bekalan atau memerlukan bantuan walaupun mungkin dia mempunyai harta di dalam negeri atau negara tempat kediamannya;

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 35 Enakmen;

“Jawatankuasa Zakat dan Fitrah” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 21 yang menjalankan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam peraturan 22 Peraturan-Peraturan ini;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 16 Enakmen;

“majikan” ertinya orang yang dengannya seseorang pekerja Islam membuat kontrak perkhidmatan atau perantisan dan termasuklah pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada seseorang pekerja Islam;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“mahkamah” ertinya mana-mana Mahkamah Sivil atau Syariah di dalam Persekutuan yang mempunyai bidang kuasa kompeten;

“miskin” ertinya seseorang yang bukan fakir tetapi pendapatannya masih belum mencukupi *had kifayah* untuk dirinya dan tanggungannya;

“muallaf” ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam menurut seksyen 96 dan 102 Enakmen;

“nisab” ertinya jumlah yang mencukupi menurut bilangan, timbangan, sukatan atau nilai untuk dikenakan zakat ke atasnya mengikut Hukum Syarak;

“orang” termasuklah orang perseorangan, jabatan, agensi kerajaan, perbadanan, syarikat, koperasi, perkongsian, persatuan, firma, usaha sama atau pemegang amanah;

“Pegawai Majlis” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh Majlis, dan dibayar emolumen oleh Majlis, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana syarikat Majlis atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri;

“*riqab*” ertinya hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran dalam tempoh yang ditentukan;

“wali” ertinya penjaga harta mengikut Hukum Syarak;

“wasi” ertinya orang yang dilantik oleh mana-mana pihak berkuasa atau orang yang diberi kuasa sebagai pentadbir untuk menguruskan harta orang lain; dan

“zakat” ertinya kadar tertentu daripada beberapa jenis harta yang wajib dikeluarkan kepada asnaf yang berhak menerimanya mengikut Hukum Syarak.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], hendaklah masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentang dengannya dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN II

KUASA MAJLIS UNTUK MEMUNGUT DAN MENGAGIH ZAKAT DAN FITRAH

Kuasa memungut dan mengagih

3. (1) Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh orang Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan dan mengagihkannya mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Tertakluk kepada kuasa Majlis yang diberikan di bawah seksyen 8 dan 9 Enakmen dan tanpa menjejaskan kuasa Majlis di bawah subperaturan (1), Majlis boleh—

- (a) menubuhkan suatu perbadanan atau syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan dan kuasanya di bawah Peraturan ini; atau

- (b) melantik badan-badan atau orang lain atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah subseksyen 75 (2) Enakmen.

Jawatankuasa

4. Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantu dalam menunaikan kewajipan atau menjalankan kuasa-kuasanya berhubung dengan zakat dan fitrah.

BAHAGIAN III

AMIL

Permohonan

5. (1) Sesuatu permohonan untuk menjadi amil boleh dibuat melalui permohonan bertulis kepada Majlis.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Jawatankuasa Zakat dan Fitrah boleh mengesyorkan kepada Majlis mana-mana orang yang difikirkan layak menjadi amil.

Kelayakan

6. (1) Mana-mana orang perseorangan adalah layak untuk dilantik sebagai amil jika dia—

- (a) beragama Islam;
- (b) bermukim atau bermastautin di dalam kawasan berkenaan;
- (c) amanah dan berkelakuan baik;
- (d) berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 66 tahun;
- (e) mempunyai pengetahuan asas Hukum Syarak mengenai zakat dan fitrah;
- (f) bukan seorang yang bankrap;
- (g) tidak pernah disabitkan dan dikenakan hukuman pemenjaraan di bawah mana-mana kesalahan jenayah;
- (h) mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas amil;

- (i) bukan anggota Jawatankuasa Zakat dan Fitrah; dan
 - (j) syarat-syarat lain yang perlu mengikut kategori amil.
- (2) Yang Dipertua boleh, jika dia berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan tertentu yang berhubungan dengan seseorang itu, dan ia tidak berlawanan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian, mengecualikan seseorang itu daripada kelayakan di perenggan (1)(b), (d) dan (g).
- (3) Seorang ahli Jawatankuasa Zakat dan Fitrah tidak boleh dilantik sebagai amil kecuali dia adalah seorang Pegawai Masjid yang dilantik sebagai ahli Jawatankuasa tersebut.
- (4) Kecuali orang perseorangan, mana-mana orang adalah layak dilantik sebagai amil jika ia—
- (a) disifatkan sebagai Islam mengikut ketetapan Jawatankuasa Fatwa;
 - (b) berdaftar dengan pihak berkuasa berkenaan menurut undang-undang;
 - (c) tidak digulungkan;
 - (d) menjalankan operasi di dalam negeri Perak; dan
 - (e) syarat-syarat lain yang perlu mengikut kategori amil.
- (5) Subperaturan (4) tidak terpakai bagi organisasi pengurusan zakat yang ditubuhkan oleh Majlis.

Pelantikan

7. (1) Yang Dipertua boleh melantik beberapa orang yang berkelayakan sebagaimana yang diperlukan bagi mana-mana kawasan yang ditentukan dalam pelantikan itu, menjadi—
- (a) Amil Pungutan Zakat;
 - (b) Amil Fitrah; atau
 - (c) Amil Agihan.
- (2) Nama-nama amil yang dilantik bolehlah disiarkan dalam pemberitahuan kepada orang ramai melalui apa jua cara yang difikirkan sesuai dan munasabah yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.
- (3) Tertakluk kepada peraturan 14, 15, 16 dan 17, amil hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan mana-mana satu atau gabungan tugas memungut, menerima, mengagih dan mengurus zakat dan fitrah bagi mana-mana kawasan dan mengikut had kuasa yang ditentukan dalam pelantikan itu.

Tauliah

8. (1) Setiap orang yang dilantik menjadi amil, hendaklah diberikan tauliah bertulis dan ditandatangani oleh Yang Dipertua.

(2) Tauliah yang diberikan di bawah subperaturan (1) tidak boleh diserahkan atau diwakilkan kepada mana-mana orang lain.

Tempoh pelantikan

9. (1) Pelantikan Amil Fitrah hendaklah untuk suatu tempoh yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi tahun hijrah berkenaan.

(2) Pelantikan Amil Pungutan Zakat dan Amil Agihan hendaklah untuk apa-apa tempoh tidak melebihi dua tahun kalendar.

(3) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), Yang Dipertua boleh menetapkan apa-apa tempoh yang difikirkan sesuai.

(4) Tertakluk kepada peraturan 10, seseorang amil yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.

(5) Apabila mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, setiap amil yang dilantik sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, telah menjadi amil tanpa apa-apa tempoh, hendaklah disifatkan sebagai baru dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pengosongan jawatan

10. Jawatan amil hendaklah menjadi kosong jika—

(a) dia meninggal dunia;

(b) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;

(c) peletakan jawatannya diterima oleh Yang Dipertua;

(d) apabila tempoh pelantikannya telah tamat; atau

(e) pelantikannya ditamatkan oleh Yang Dipertua atas apa-apa sebab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua sebagai tidak layak atau sesuai.

Peletakan jawatan, pengantungan dan penamatan pelantikan

11. (1) Mana-mana amil boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Yang Dipertua tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh peletakan jawatan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Yang Dipertua boleh menetapkan apa-apa syarat atau tatacara peletakan jawatan Amil Fitrah.

(3) Peletakan jawatan Amil Fitrah di bawah peraturan ini tertakluk kepada kebenaran bertulis Yang Dipertua.

(4) Yang Dipertua boleh menamatkan pelantikan mana-mana amil jika dia—

- (a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah oleh sesuatu mahkamah;
- (b) berkelakuan, sama ada yang berkaitan dengan kewajibannya sebagai amil atau selainnya, yang boleh memburukkan nama Majlis;
- (c) diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan, digulungkan, dibubarkan atau dibatalkan pendaftaran;
- (d) telah hilang kelayakan di bawah peraturan 6 atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai amil;
- (e) mengingkari, melanggar, mempertikaikan perintah atau arahan pihak berkuasa agama Islam;
- (f) didapati tidak amanah; atau
- (g) tidak melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa arahan Ketua Pegawai Eksekutif.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), Yang Dipertua boleh, pada bila-bila masa, menamatkan pelantikan mana-mana amil dengan memberikan notis bertulis.

(6) Yang Dipertua boleh menggantung mana-mana amil setelah berpuas hati jika terdapat aduan mengenai salah laku amil yang memerlukan siasatan.

(7) Amil yang meletak jawatan, digantung atau ditamatkan pelantikannya, hendaklah dengan seberapa segera menyerahkan kepada Majlis, semua pungutan atau baki zakat dan fitrah dalam apa jua bentuk dan apa-apa dokumen yang bersangkutan dengan tugasnya yang berada dalam simpanan atau kawalannya termasuklah tauliah pelantikannya.

Pemakluman

12. Penggantungan atau penamatan pelantikan mana-mana amil hendaklah dimaklumkan kepada amil yang berkenaan secara bertulis dan bolehlah disiarkan dalam pemberitahuan kepada orang ramai melalui apa jua cara yang difikirkan sesuai dan munasabah yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Kesahan tindakan

13. Penamatan pelantikan mana-mana amil hendaklah tidak menjejaskan kesahan apa-apa tindakan atau perbuatan yang dibuat secara sah olehnya sebelum tarikh penamatan tersebut berkuat kuasa.

Tugas Amil Pungutan Zakat

14. Amil Pungutan Zakat hendaklah—

- (a) memungut zakat daripada mana-mana orang yang wajib mengeluarkan atau membayarnya;
- (b) mengeluarkan resit rasmi kepada pembayar zakat;
- (c) menyerahkan semua pungutan zakat kepada pejabat pentadbiran Majlis dalam tempoh tujuh hari berkerja daripada tarikh pungutan itu diterima, berserta salinan pendua resit rasmi dan dokumen pungutan lain yang berkaitan;
- (d) mengemukakan resit rasmi pungutan zakat kepada pejabat pentadbiran Majlis untuk tujuan pemeriksaan, setiap tiga bulan; dan
- (e) memastikan simpanan semua dokumen selamat di bawah tanggungjawabnya dan menyerahkan kepada Pegawai Majlis apabila diminta berbuat demikian.

Tugas Amil Fitrah

15. Amil Fitrah hendaklah—

- (a) memungut fitrah daripada mana-mana orang yang wajib mengeluarkan atau membayarnya dalam kawasan yang ditentukan dalam pelantikannya itu;
- (b) mengeluarkan resit rasmi kepada pembayar fitrah;
- (c) menyerahkan semua pungutan fitrah kepada pejabat pentadbiran Majlis pada tarikh penyerahan yang ditetapkan oleh Majlis melalui notis bertulis berserta keratan resit rasmi dan dokumen pungutan lain yang berkaitan;
- (d) memastikan simpanan semua dokumen selamat di bawah tanggungjawabnya dan menyerahkan kepada Pegawai Majlis apabila diminta berbuat demikian;
- (e) mengenal pasti orang Islam dalam kawasan yang ditentukan dalam pelantikannya itu, yang difikirkan layak menerima fitrah; dan
- (f) mengagihkan wang fitrah kepada asnaf berdasarkan Peraturan-Peraturan ini, syarat agihan yang ditetapkan serta arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Tugas Amil Agihan

16. Amil Agihan hendaklah—

- (a) mengenal pasti orang Islam yang layak menerima zakat dalam kawasan yang ditentukan dalam pelantikannya itu;
- (b) mengagihkan wang atau apa jua bentuk zakat kepada asnaf berdasarkan Peraturan-Peraturan ini, syarat agihan yang ditetapkan serta arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- (c) dengan seberapa segera, menyerahkan kepada pejabat pentadbiran Majlis semua baki zakat yang tidak dapat diagihkan dalam apa jua bentuk, dan apa-apa dokumen yang bersangkutan dengan tugasnya dan yang berada dalam simpanan atau kawalannya;
- (d) menyerahkan kepada pejabat pentadbiran Majlis semua dokumen kewangan dan agihan yang berkaitan dalam tempoh tujuh hari berkerja daripada tarikh akhir serahan zakat kepada asnaf; dan
- (e) memastikan simpanan semua dokumen selamat di bawah tanggungjawabnya dan menyerahkan kepada Pegawai Majlis apabila diminta berbuat demikian.

Tugas lain

17. Setiap amil boleh menjalankan tugas lain berkaitan zakat dan fitrah sebagai mana yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif bagi melaksanakan kewajipan dan fungsi Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Upah

18. (1) Setiap amil yang menjalankan tugas-tugasnya di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar upah berpandukan bahagian amil mengikut ketetapan Majlis atas syor Jawatankuasa Fatwa.

(2) Amil Pungutan Zakat dan Amil Fitrah tidak dibenarkan membuat apa-apa potongan daripada pungutan zakat dan fitrah bagi tujuan upahnya kecuali dengan kebenaran Ketua Pegawai Eksekutif.

Kawalan dan arahan

19. Dalam pelaksanaan tugasnya, setiap amil adalah tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Pelantikan ejen pungutan

20. (1) Mana-mana orang boleh dilantik sebagai ejen pungutan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “ejen pungutan” ertinya orang yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif bagi menyediakan perkhidmatan pungutan zakat dan fitrah, dan adalah bukan amil.

BAHAGIAN IV
JAWATANKUASA ZAKAT DAN FITRAH

Keanggotaan Jawatankuasa Zakat dan Fitrah

21. Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau Diri Jumaat selama tempoh pelantikannya oleh Majlis hendaklah menjadi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah bagi kariah berkenaan.

Tanggungjawab Jawatankuasa Zakat dan Fitrah

22. Jawatankuasa Zakat dan Fitrah hendaklah bertanggungjawab untuk—

- (a) menjalankan apa-apa arahan, dasar, ketetapan dan keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung dengan pengurusan zakat dan fitrah;
- (b) mengawal selia semua perkara berkaitan pengurusan pungutan dan agihan zakat dan fitrah di dalam kariahnya;
- (c) mengadakan mesyuarat untuk menentukan calon amil di dalam kariahnya dan mengemukakannya kepada pejabat pentadbiran Majlis;
- (d) membuat aduan bertulis dengan seberapa segera kepada Ketua Pegawai Eksekutif jika didapati—
 - (i) mana-mana amil tidak menjalankan tugas menurut Peraturan-Peraturan ini;
 - (ii) mana-mana orang tidak mengeluarkan zakat atau fitrah atau mengeluarkan zakat atau fitrah kepada bukan amil;
 - (iii) mana-mana orang menerima bayaran zakat atau fitrah sedangkan dirinya bukan amil;
 - (iv) seseorang menghasut mana-mana orang supaya tidak mengeluarkan zakat atau fitrah kepada amil atau tidak mengeluarkan zakat atau fitrah; atau
 - (v) mana-mana orang menghalang amil daripada menjalankan tugas di dalam kariahnya;

- (e) memperakukan orang yang difikirkan layak menerima zakat yang dikenal pasti oleh amil di dalam kariahnya dan mengemukakannya kepada pejabat pentadbiran Majlis;
- (f) memastikan waris amil yang telah meninggal dunia menyerahkan kepada Majlis pungutan zakat dalam apa jua bentuknya, zakat yang belum diagihkan, buku resit dan apa-apa dokumen kewangan lain yang diterima daripada Majlis; dan
- (g) menjalankan apa-apa fungsi yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V
ZAKAT

Kewajipan ke atas harta, pendapatan dan perniagaan

23. Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, zakat hendaklah diwajibkan kepada setiap orang Islam sama ada yang bermastautin, bekerja, menjalankan perniagaan atau beroperasi di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan ke atas—

- (a) harta dan pendapatan mengikut Hukum Syarak; dan
- (b) mana-mana perniagaan yang menjalankan operasi yang keseluruhan atau sebahagian pegangan dalam perniagaan itu dimiliki oleh orang Islam.

Syarat wajib

24. (1) Syarat wajib bagi orang yang mengeluarkan zakat adalah—

- (a) Islam;
- (b) merdeka; dan
- (c) baligh serta sempurna akal, dan bagi kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal bertanggung ke atas wali harta atau wasinya.

(2) Syarat wajib zakat bagi harta adalah—

- (a) pemilikan sempurna;
- (b) cukup nisab; dan
- (c) cukup *haul*.

Zakat yang belum dikeluarkan bagi orang yang telah meninggal dunia

25. Harta orang yang telah meninggal dunia boleh digunakan untuk mengeluarkan zakat dan fitrahnya yang belum dikeluarkan.

Tanggungjawab perbadanan, syarikat, perkongsian atau koperasi

26. (1) Tanggungjawab bagi segala tindakan dan perkara yang dikehendaki dilakukan oleh atau bagi pihak suatu perbadanan, syarikat, perkongsian atau koperasi di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah bertanggungan secara bersesama atau berasingan ke atas—

- (a) pengurusan sebuah perbadanan, syarikat, perkongsian atau koperasi berkenaan;
- (b) pengarah;
- (c) pengurus atau ketua pegawai utama lain;
- (d) setiausaha; atau
- (e) mana-mana orang, dengan apa jua nama dipanggil, yang menjalankan fungsi mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d).

(2) Peraturan ini hendaklah terus terpakai berhubung dengan suatu perbadanan, syarikat, perkongsian atau koperasi yang telah terubur menurut undang-undang yang berkaitan dengan badan tersebut.

Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat

27. Harta dan pendapatan yang boleh dikenakan zakat di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Nisab dan kadar

28. Harta dan pendapatan mana-mana orang yang boleh dikenakan zakat hendaklah mengikut nisab dan kadar zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa.

Kuasa meminda atau membatalkan Jadual

29. Majlis boleh, atas syor Jawatankuasa Fatwa meminda atau membatalkan Jadual melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VI

FITRAH

Kewajipan mengeluarkan

30. Setiap orang Islam wajib mengeluarkan fitrah untuk dirinya dan anggota keluarga di bawah tanggungannya mengikut Hukum Syarak.

Kadar

31. Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas syor Jawatankuasa Fatwa boleh menetapkan kadar fitrah yang wajib dikeluarkan oleh setiap orang Islam.

BAHAGIAN VII

POTONGAN ZAKAT

Tanggungjawab majikan

32. Mana-mana majikan yang berdaftar dengan Majlis boleh membuat bayaran zakat bagi pihak kakitangannya melalui potongan gaji mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

BAHAGIAN VIII

PENYATA DAN TAKSIRAN

Maklumat berkaitan zakat dan notis kena zakat

33. (1) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, melalui notis bertulis atau apa-apa kaedah lain yang ditentukan dari semasa ke semasa, menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan kepada Majlis, apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud menentukan amaun zakat yang kena dibayar oleh orang itu bagi tahun taksiran itu.

(2) Bagi maksud mendapatkan apa-apa maklumat tambahan yang berhubungan dengan harta, pendapatan atau apa-apa perkara lain, Ketua Pegawai Eksekutif boleh menghendaki mana-mana orang itu atau mana-mana orang lain supaya mengemukakan segala buku, akaun, penyata dan dokumen lain yang disifatkan perlu.

(3) Mana-mana orang yang tidak menerima notis di bawah subperaturan (1) dan berpandangan bahawa dirinya layak mengeluarkan zakat, boleh mengemukakan apa-apa maklumat kepada Majlis, bagi maksud taksiran mana-mana tahun yang dikehendaki.

Taksiran tambahan dalam hal tertentu

34. (1) Walau apa pun peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, jika berkenaan dengan mana-mana taksiran atau mana-mana tahun taksiran, Ketua Pegawai Eksekutif mendapati bahawa tiada taksiran atau tiada taksiran yang mencukupi telah dibuat ke atas seseorang yang boleh dikenakan zakat, Ketua Pegawai Eksekutif boleh, dalam tahun itu atau tahun-tahun yang berikutan dengan tahun itu, membuat suatu taksiran atau taksiran tambahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ke atas orang itu bagi maksud mengenakan zakat bagi tahun tersebut mengikut Hukum Syarak.

(2) Jika Ketua Pegawai Eksekutif mendapati apa-apa maklumat yang diberikan di bawah peraturan 33 yang mengurangkan zakat, Ketua Pegawai Eksekutif boleh pada bila-bila masa mendapatkan maklumat tambahan dan seterusnya membuat suatu taksiran bagi mana-mana tahun untuk mendapatkan semula apa-apa zakat yang tidak dikeluarkan itu.

Penyata oleh majikan

35. (1) Ketua Pegawai Eksekutif boleh melalui notis, menghendaki setiap majikan supaya menyediakan dan menyerahkan kepada Majlis apa-apa maklumat yang dikehendaki, bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh yang ditetapkan, yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama, nombor kad pengenalan atau pasport, alamat kediaman atau apa-apa maklumat lain berkenaan pekerja; dan
- (b) amaun sepenuhnya pendapatan yang dibayar, kena dibayar atau diperuntukkan oleh atau bagi pihak majikan kepada pekerja itu berkenaan dengan pekerjaan mereka itu.

(2) Setelah menerima notis daripada Ketua Pegawai Eksekutif, majikan hendaklah menyediakan dan menyerahkan suatu penyata yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam subperaturan (1).

Maklumat taksiran hendaklah disifatkan dibuat dengan kuasa sewajarnya

36. Apa-apa maklumat yang diberikan untuk tujuan taksiran menurut Peraturan-Peraturan ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang, hendaklah dianggap sebagai telah dibuat sewajarnya oleh atau bagi pihak orang itu menurut kuasanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga dibuktikan sebaliknya.

Rekod taksiran

37. Majlis hendaklah, menyelenggara atau menyebabkan diselenggara, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, rekod segala taksiran dan pengeluaran zakat bagi setiap tahun taksiran.

BAHAGIAN IX
SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN

Rayuan kepada Majlis

38. (1) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan amaun zakat yang dikenakan ke atasnya, boleh merayu kepada Majlis supaya taksiran itu disemak semula.

(2) Rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Majlis.

(3) Jika tiada rayuan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan (2), taksiran yang dibuat dianggap sebagai dipersetujui dan muktamad.

(4) Jika rayuan diterima, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah membuat taksiran semula dan memaklumkan secara bertulis kepada orang itu seberapa segera dan taksiran semula itu adalah muktamad.

BAHAGIAN X
AGIHAN

Ketetapan

39. Majlis hendaklah—

- (a) mengadakan suatu tatacara pengagihan zakat dan fitrah termasuk perkara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa;
- (b) merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk apa-apa keputusan berhubung dengan ketetapan agihan zakat dan fitrah sekiranya melibatkan persoalan Hukum Syarak yang perlu diputuskan;
- (c) mengagihkan semua pungutan zakat dan fitrah kepada asnaf yang dinyatakan di bawah peraturan 40 dalam tempoh satu tahun dari tarikh pungutan zakat dan fitrah itu mengikut ketetapan Hukum Syarak; dan
- (d) memasukkan apa-apa baki zakat dan fitrah atau mana-mana bahagian zakat dan fitrah yang diperuntukkan kepada asnaf yang tidak diagihkan dalam mana-mana tahun tertentu oleh sebab asnaf tersebut tidak wujud lagi atau masih terdapat baki agihan, bahagian asnaf atau baki tersebut, ke dalam akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah di bawah perenggan 70(1A)(a) Enakmen.

Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah

40. (1) Orang yang berhak menerima zakat dan fitrah mengikut Hukum Syarak—

- (a) fakir;
- (b) miskin;
- (c) amil;
- (d) muallaf;
- (e) *riqab*;
- (f) *gharimin*;
- (g) *fi sabilillah*; dan
- (h) *ibnu sabil*.

(2) Tertakluk kepada syor atau ketetapan Jawatankuasa Fatwa, mana-mana bahagian zakat dan fitrah yang tiada asnaf di dalam negeri ini, bolehlah dibahagikan kepada asnaf lain yang ada di dalam negeri ini dan bahagian-bahagian daripada asnaf itu bolehlah dipindahkan kepada mana-mana satu atau lebih asnaf yang lebih berhajat kepadanya mengikut pertimbangan dan persetujuan Majlis.

Agihan zakat oleh wakil

41. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang sebagai wakil untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang berkelayakan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), wakil adalah bukan amil.

(3) Baki atau bahagian zakat yang tidak dapat diagihkan dalam mana-mana tahun tertentu oleh sebab asnaf tersebut tidak lagi wujud atau masih terdapat baki agihan, maka hendaklah, diserahkan kembali baki tersebut kepada Majlis untuk dimasukkan ke dalam akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah di bawah perenggan 70(1A)(a) Enakmen.

BAHAGIAN XI
KEWANGAN ZAKAT DAN FITRAH

Akaun, anggaran belanjawan dan perbelanjaan

42. (1) Semua wang daripada hasil harta alih dan tak alih zakat dan fitrah hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah di bawah perenggan 70(1A)(a) Enakmen dan terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan wang dan harta itu mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen.

(2) Semua wang yang dibayar ke dalam akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah hendaklah dijaga oleh Ketua Pegawai Eksekutif mengikut peruntukan Enakmen.

(3) Anggaran pendapatan dan belanjawan zakat dan fitrah hendaklah disediakan oleh Majlis menurut peruntukan seksyen 71 Enakmen.

(4) Semua kos, bayaran dan belanja untuk mentadbir hasil dan harta zakat yang terletak hak pada Majlis termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta alih, harta tak alih, upah amil dan ejen yang kena dibayar hendaklah dibayar daripada akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

Pelaburan

43. (1) Menurut kuasa yang diberikan di bawah perenggan 7(2)(d) Enakmen, Majlis boleh, tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Fatwa melaburkan lebihan zakat dan fitrah dalam apa-apa pelaburan yang mematuhi Hukum Syarak.

(2) Hasil pelaburan hendaklah dikembalikan kepada akaun Zakat Harta dan Zakat Fitrah di bawah perenggan 70(1A)(a) Enakmen.

Pinjaman

44. Tiada apa-apa pinjaman yang boleh dibuat daripada kutipan atau hasil zakat atau fitrah di dalam Peraturan-Peraturan ini.

Pemulangan pungutan berlebihan

45. Apa-apa pengeluaran zakat yang melebihi taksiran amaun sebenar dan yang sepatutnya dikeluarkan mengikut Hukum Syarak, hendaklah dipulangkan semula kepada pengeluar zakat melainkan lebihan tersebut dibuat atas kerelaannya pada masa itu.

BAHAGIAN XII PERUNTUKAN AM

Pengenalan pegawai

46. (1) Mana-mana Pegawai Majlis atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan fungsi di bawah Peraturan-Peraturan ini, hendaklah memperkenalkan dirinya dengan mengemukakan pengenalan dirinya atau kebenaran bertulis daripada Majlis.

(2) Mana-mana orang yang secara salah dengan niat memperdayakan mana-mana orang sama ada dengan mengemukakan pengenalan palsu, menyamar atau mendakwa dirinya sebagai Pegawai Majlis atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan fungsi di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kerahsiaan

47. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun Pegawai Majlis atau mana-mana orang yang dilantik atau pernah dilantik atau diberi kuasa oleh Majlis boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajibannya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pembatalan

48. Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, 1975 [*Pk. P.U. 1 tahun 1979*] dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

49. (1) Mana-mana orang atau jawatankuasa yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, 1975 yang dibatalkan menurut kuasa Peraturan-Peraturan ini, yang dilantik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, terus menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga habis tempoh pelantikannya atau dia meletakkan jawatan atau pelantikannya dibatalkan mengikut Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah mempunyai kuasa, liabiliti dan kewajipan yang sama seolah-olah dia telah dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Setiap perbuatan atau tindakan yang dilakukan, diambil atau dimulakan oleh mana-mana Pegawai Majlis atau mana-mana orang sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA
[subperaturan 2(3)]

SKRIP BAHASA ARAB BAGI
PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

Amil	—	عامل
Asnaf	—	أصناف
Baligh	—	بالغ
Fakir	—	فقير
<i>Fi sabilillah</i>	—	في سبيل الله
<i>Gharimin</i>	—	غارمين
<i>Haul</i>	—	حول
Hukum Syarak	—	حكم شرع
<i>Ibnu Sabil</i>	—	ابن السبيل
<i>Ma'adin</i>	—	معادن
Miskin	—	مسكين
Muallaf	—	مؤلف
Nisab	—	نصاب
<i>Rikaz</i>	—	ركاز
<i>Riqab</i>	—	رقاب
<i>Uruf</i>	—	عرف
Wali	—	ولي
Wasi	—	وصي

JADUAL KEDUA
[peraturan 27]

HARTA YANG BOLEH DIKENAKAN ZAKAT

Harta yang dikenakan zakat

1. Harta dan pendapatan, yang wajib dikenakan zakat adalah seperti berikut:
 - (a) emas;
 - (b) perak;
 - (c) wang;
 - (d) hasil tanaman;
 - (e) binatang ternakan;
 - (f) *ma'adin*;
 - (g) *rikaz*;
 - (h) perniagaan;
 - (i) syer dan sekuriti;
 - (j) hasil *mal mustafad*; dan
 - (k) apa-apa harta atau pendapatan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa dari semasa ke semasa.

Tafsiran

2. Bagi maksud Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang ternakan” termasuklah lembu, kerbau, biri-biri, kambing, unta dan binatang ternakan yang seumpamanya yang meragut rumput di padang rumput terbuka atau yang dipelihara sebagai binatang ternakan tetapi tidak termasuk yang dipelihara bagi maksud perniagaan;

“emas” termasuklah jongkong emas, mata wang emas, peralatan yang dibuat daripada emas, barang kegunaan sendiri untuk lelaki yang diperbuat daripada emas dan barang kemasan diri untuk perempuan yang dibuat daripada emas yang melebihi penggunaannya mengikut *uruf* atau telah tidak digunakan dalam *haul* yang berkenaan;

“hasil *mal mustafad*” termasuklah—

- (a) harta penggajian dan upah kerja yang diperoleh hasil daripada pekerjaan yang dilakukan untuk pihak lain sama ada kerajaan, swasta atau individu dalam bentuk fizikal, sumbangan idea atau kedua-duanya dalam melaksanakan pekerjaan itu termasuklah gaji, elaun tetap, bonus, tuntutan kerja lebih masa, gratuiti, pampasan, pencen dan bayaran insentif;
- (b) harta kerja bebas yang diperoleh hasil daripada pekerjaan yang dilakukan sendiri tanpa ada kaitan dengan pihak lain dalam bentuk kerja bebas atau perkhidmatan profesional termasuklah bayaran perkhidmatan konsultansi profesional, bayaran projek yang diterima oleh kontraktor dan keuntungan projek bermusim, komisyen daripada jualan takaful, unit amanah, pembrokeran dan royalti yang diterima hasil penulisan, penerbitan, aktiviti seni dan pekerjaan seumpamanya;
- (c) harta pemberian atau sumbangan yang diperoleh bukannya hasil pekerjaan yang dilakukannya tetapi merupakan pemberian yang diterima dalam bentuk harta yang boleh dikenakan zakat, bukan dalam bentuk harta tak alih dan bukan merupakan nafkah wajib, termasuklah hibah, hadiah, saguhati, pencen pasangan, pampasan, harta pusaka dan mahar perkahwinan; dan
- (d) *Mal mustaghallat* iaitu harta yang diperoleh daripada harta yang tidak dikenakan zakat tetapi mendatangkan pulangan atau pendapatan dengan cara jualan, sewaan atau jualan hasilnya termasuklah hasil sewaan bangunan, kenderaan dan peralatan, jualan aset alih dan aset tak alih dan jualan hasil tanaman dan ternakan seperti kelapa sawit, durian, susu, telur dan madu;

“hasil tanaman” ertinya padi, jagung, gandum dan bijirin lain seumpamanya yang menjadi sumber makanan asas;

“*ma'adin*” ertinya hasil bumi yang belum diproses yang dikeluarkan secara sah daripada tanah termasuk emas, perak, tembaga, timah dan sebagainya;

“perak” termasuklah jongkong perak, matawang perak, peralatan yang dibuat daripada perak, barang kegunaan sendiri untuk lelaki yang dibuat daripada perak dan barang kemas diri untuk perempuan yang dibuat daripada perak yang tidak digunakan dalam *haul* yang berkenaan;

“perniagaan” ertinya apa-apa bentuk perniagaan termasuklah profesion, kemahiran, perkhidmatan, pengilangan, usaha niaga atau pengusahaan dalam bentuk perniagaan yang diusahakan oleh individu atau menerusi usaha sama atau syarikat;

“*rikaz*” ertinya harta yang tertanam dalam bumi yang merupakan tinggalan orang-orang zaman jahiliyyah yang dikeluarkan secara sah sama ada emas, perak dan harta-harta lain;

“syer dan sekuriti” ertinya saham, stok, bon, nota (selain daripada nota perjanjian), debentur, stok debentur, unit-unit di bawah suatu skim amanah saham dan syer dalam syarikat yang mematuhi Hukum Syarak, yang dimiliki secara langsung atau melalui penama; dan

“wang” ertinya apa jua bentuk mata wang yang dikeluarkan oleh pemerintah sesuatu negara yang sah diperlakukan di dalam mana-mana negara.

Dibuat 20 Disember 2024

[MAIPK(BP)A603/908/4; PU.Pk. 4/2021]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

TAN SRI DATO' SERI MOHD ANNUAR BIN ZAINI

Yang Dipertua

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (PERAK)
ENACTMENT 2024

ZAKAT AND FITRAH OF THE STATE OF PERAK REGULATIONS 2024

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

POWER OF THE MAJLIS TO COLLECT AND DISTRIBUTE *ZAKAT* AND *FITRAH*

3. Power to collect and distribute
4. Committee

PART III
AMIL

5. Application
6. Qualification
7. Appointment
8. *Tauliah*
9. Duration of appointment
10. Vacation of office
11. Resignation, suspension and termination of appointment
12. Notification
13. Validity of action
14. Duties of *Amil Pungutan Zakat*
15. Duties of *Amil Fitrah*
16. Duties of *Amil Agihan*
17. Other duties
18. Wages

Regulation

19. Control and direction
20. Appointment of collection agent

PART IV

ZAKAT AND FITRAH COMMITTEE

21. Membership of the *Zakat* and *Fitrah* Committee
22. Responsibilities of the *Zakat* and *Fitrah* Committee

PART V

ZAKAT

23. Obligations on property, income and business
24. Mandatory conditions
25. Unpaid *zakat* by person who has died
26. Responsibilities of the corporation, company, partnership or cooperative
27. Property and income that chargeable to *zakat*
28. *Nisab* and rate
29. Power to amend or repeal the Schedule

PART VI

FITRAH

30. Obligation to pay
31. Rate

PART VII

DEDUCTION OF ZAKAT

32. Employer responsibility

PART VIII

STATEMENT AND ASSESSMENT

33. Information related to *zakat* and *zakat* notice
